

Gadai nyawa lalu **jambatan usang**

Penduduk minta pihak berkenaan bina kemudahan lebih baik demi keselamatan orang ramai

SUNGAILANG – Lebih 100 penduduk yang menggunakan Jambatan Sungai Lang di sini, terpaksa bergadai nyawa setiap kali menggunakan jambatan usang sebagai jalan alternatif untuk ke kawasan berhampiran.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Ahmad Ikhsan berkata, jambatan di bawah kawal selia Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak pernah dibaik pulih sejak lebih lima tahun lalu.

Malah, katanya, sepanjang tempoh itu juga, seorang penduduk dari Kampung Sungai Tengar Utara, maut setelah motosikal yang ditunggangnya terjatuh ke dalam parit berkenaan, sebulan lalu.

“Walaupun ada kes kematian, pihak berkenaan seolah-olah tidak mengendahkan keperluan untuk membina semula jambatan ini,” katanya.

Ahmad berkata, jalan itu sering digunakan penunggang motosikal untuk pergi memancing selain sebagai jalan pintas ke Institut Perakaunan Negara (IPN) dan Institut Latihan Dakwah Selangor (Ildas).

Selain itu, katanya, jalan itu juga digunakan pekebun ke kebun dan ladang berhampiran dan keadaan itu sudah tentu menimbulkan kesulitan setiap kali mereka berulang alik.

Beliau berkata, jambatan sepanjang dan selebar tiga meter itu dipercayai rosak selepas jambatan konkrit sedia ada di kawasan itu runtuh sebelum



Ahmad (kanan) sambil diperhatikan Kamarol Zaki menunjukkan keadaan jambatan usang di Sungai Lang.

digantikan dengan jambatan kayu sementara bagi melintasi parit berkenaan.

“JPS perlu ambil langkah proaktif dalam memastikan jambatan itu dibaik pulih.

”Meskipun jalan ini dianggap sebagai alternatif, tetapi penunggang motosikal le-

bih selesa menggunakan jalan ini untuk menjalankan urusan masing-masing,” katanya.

Sementara itu, Adun Sungai Air Tawar, Kamarol Zaki Abdul Malik berkata, keadaan jambatan itu memerlukan tindakan segera daripada JPS agar tiada lagi rungutan berhubung masalah berkenaan.

“JPS seharusnya turun padang bagi melihat sendiri aduan ini bagi memastikan keselamatan penduduk tidak dipertaruhkan dengan menggunakan jalan berkenaan.

“Peruntukan segera amat diperlukan bagi memastikan jalan ini dibina dengan lebih kukuh agar tidak mengundang bahaya kepada sesiapa yang melaluinya,” katanya.